



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

23 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)

HOTEL LE MERIDIEN PUTRAJAYA

Salam perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

*disediakan secara berasingan

PENDAHULUAN

1. Majlis Apresiasi Kementerian Perpaduan Negara 2023 ini bertujuan untuk **menghargai sumbangan dan kejayaan warga KPN** dalam melaksanakan program-program Kementerian sepanjang tahun 2023.
2. Tahun 2023 menyaksikan KPN mengorak langkah dalam mengukuhkan agenda perpaduan Kerajaan Malaysia MADANI. Langkah pertama yang diambil oleh KPN adalah membangunkan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** melalui konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity In Diversity*)**.
3. Sepanjang tahun 2023, Kementerian melalui kesemua agensi telah berjaya melaksanakan **sebanyak 661 program** yang berteraskan kepada kluster **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**.
4. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas komitmen yang telah diberikan oleh seluruh tenaga kerja kementerian dan agensi-agensi dalam menjayakan program pada tahun 2023.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN KPN TAHUN 2023

5. Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas anugerah yang diterima oleh KPN sepanjang tahun 2023 iaitu:
 - a. Penghargaan Malaysia Book of Records sempena penglibatan peserta paling ramai (1,040 peserta) **membentuk logo Malaysia Madani.**
 - b. Penghargaan Malaysia Book of Records bagi kategori **pemakaian baju etnik teramai dalam satu acara.** Menggayakan Busana Tradisional Pelbagai Kaum di Malaysia Sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2023 (2,471 orang).
 - c. Penghargaan Malaysia Book of Records bagi **kategori pameran rumah etnik terbanyak** sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2023
 - d. **Tempat Ke-2 sempena Perarakan Kontinjen Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul** peringkat Kebangsaan
 - e. **Pengiktirafan Penilaian Penarafan 5 Bintang,** Program Keceriaan antara Kementerian sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023
 - f. Penghargaan Malaysia Book of Records bagi kategori **penjualan nasi lemak terbanyak** sempena Program Foodunites di Shah Alam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MISI KPN TAHUN 2024

6. Ketika Majlis Amanat Tahun 2024 yang diadakan di PICC baru-baru ini, saya telah mengumumkan hala tuju dan bidang tumpuan KPN yang meningkatkan **semangat perpaduan, kenegaraan, toleransi, muhibbah dan kesukarelawanan**. Antara tujuh fokus utama bagi tahun 2024 adalah:
 - **Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga**
 - **Penghayatan Rukun Negara**
 - **Penyuburan terhadap warisan dan budaya negara**
 - **Pemerkasaan sosioekonomi masyarakat India**
 - **Memacu agenda Digital Negara**
 - **Membangunkan Malaysia sebagai Hub Sukarelawan**
 - **Meningkatkan keharmonian antara penganut agama**
7. Saya juga berharap agar semua dapat menyambut baik slogan-slogan baharu yang saya telah umumkan baru-baru ini yang mampu mendekatkan kita dengan rakyat, antaranya:
 - **Memperkasa KRT**
 - **Meremajakan SRS**
 - **Memasyarakatkan Arkib**
 - **Rejuvenasi Muzium**
 - **Merakyatkan Perpustakaan**

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

PENUTUP

8. Saya ingin berkongsi satu kata-kata '***Alone we can do so little; together we can do so much (Helen Keller)***'. Kebersamaan antara kita dengan meletakkan kepentingan rakyat melebihi segalanya tentunya akan membawa hasil buat negara tercinta ini.
9. Saya berharap agar komitmen dan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun lepas dapat diteruskan dalam melipatgandakan usaha ke arah menjayakan agenda perpaduan nasional.
10. Sebelum berundur, saya ingin akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun.

*Raja Berdaulat Selamat Bertakhta,
Keluhuran Perlembagaan Jadi Ketetapan,
Segulai Sejalai menjadi Cogan Kata,
Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan*

Sekian, terima kasih.